# MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

## NOTIS TENDER

**Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:**

| NO TENDER<br>TAJUK<br>FAIL RUJUKAN | KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT | TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH & MASA TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|
| **NO TENDER**<br>**T0001/22**<br>**FAIL RUJUKAN**<br>**MBS/JKJ(SULIT)T(25)2021/JLN(16)**<br>**TAJUK**<br>**MENURAP SEMULA JALAN DAN MENYELENGGARA LONGKANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PENGHULU CANTIK, JALAN KELILING DAN JALAN SINGKAT BANDAR SEREMBAN, SEREMBAN.**<br><br>**Tender Yang Lewat Tidak akan Diterima** | **(BUMIPUTERA)**<br>**GRED G3**<br><br>**Kategori CE**<br>**Pengkhususan CE01**<br>**dan**<br>**Kategori CE**<br>**Pengkhususan CE21** | DARI TARIKH<br>**24 Jan 2022 (Isnin)**<br>HINGGA<br>**14 Feb 2022 (Isnin)**<br>HARGA DOKUMEN<br>**RM 150.00**<br>TEMPAT<br>**JABATAN KEWANGAN WISMA**<br>**MBS, PERSIARAN FOREST**<br><br>**HEIGHTS 1 JALAN SEREMBAN-**<br>**TAMPIN 70450 SEREMBAN**<br>WAKTU URUSAN<br>**Isnin - Khamis**<br>**08:30 pagi - 12:30 tengahari**<br>**02:00 petang- 04:00 petang**<br>**Jumaat**<br>**08:00 pagi - 12:00 tengahari** | TARIKH<br>**14 Feb 2022 (Isnin)**<br>MASA<br>**12:00 TENGAHARI** |

**2. Sekiranya petender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

**3. Semua dokumen Tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Tender berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Wisma MBS.**

**4. Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Tender yang terendah atau sebarang dokumen Tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.**

**5. Majlis Bandaraya Seremban berhak untuk membatalkan Tender syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.**

**6. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai Tender ini.**

**7. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan dan boleh disemak di Lobi Jabatan Kewangan Majlis Bandaraya Seremban mulai 20 Januari 2022 semasa waktu pejabat.**

**8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.**

**>> NOTIS TENDER JUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:**

**www.mbs.gov.my**